



**PARA mahasiswa dan mahasiswa yang merakam gambar kenangan selepas selesai program berkenaan.**

## 30 mahasiswa/i UMS sertai 'FBEA Student Leadership Camp'

UB 25.12.2018 A6

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan telah mengadakan program 'FBEA Student Leadership Camp Sesi 2018/2019' yang disertai seramai 30 orang bersama dua pensyarah pengiring dan dua fasilitator jemputan.

Objektif program yang diadakan di Mari-Mari Sepanggar Island selama dua hari satu malam itu adalah untuk menerapkan bakat kepimpinan dalam diri mahasiswa/i selain mengeratkan silaturahmi dalam kalangan mereka.

Program berkenaan juga merupakan satu platform untuk mahasiswa/i membina



**ANTARA aktiviti yang diadakan.**

keyakinan diri serta mengasah bakat kepimpinan dalam diri setiap mereka.

Program itu disertai oleh pemimpin Persatuan Mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) beserta Majlis Tertinggi Kelab di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan

Perakaunan.

Menurut Presiden PMPEP Gan Chee Houe, program itu telah berjaya mendedahkan pelbagai kemahiran kepimpinan melalui aktiviti-aktiviti sepanjang kem berlangus yang dikendalikan dengan baik oleh fasilitator berpengalaman luas.